

## ABSTRAK

Kajian ini membicarakan mengenai *Takhrīj al-Ḥadīth* tumpuan terhadap riwayat-riwayat kelebihan bulan hijri dalam karya *Jam'u al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* oleh Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Faṭānī. Skop kajian ini tertumpu kepada tiga fasal kelebihan bulan hijri iaitu kelebihan Dhulhijjah, 'Āsyūrā' dan *Laylah al-Qadr* serta malam 'Eid. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetengahkan secara langsung status riwayat ketiga-tiga fasal kelebihan bulan-bulan Hijri yang dimuatkan dalam karya ini. Maklumat dan hasil dapatan kajian diperoleh sepenuhnya melalui kajian perpustakaan dengan menggunakan metod kuantitatif. Hasil dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa pengarang banyak membawa riwayat yang *mardūd* iaitu sebanyak 59%, berbanding riwayat yang *maqbul* iaitu sebanyak 9%. Keadaan ini disebabkan metodologi pemakaian hadithnya yang sedikit berbeza dengan metodologi *ahl al-Ḥadīth* terutamanya dalam aspek *al-Targhīb wa al-Tarhīb*. Selebihnya merupakan riwayat-riwayat yang tidak diketahui statusnya dan tidak ditemui iaitu masing-masing sebanyak 3% dan 29%. Hasil kajian turut mendapati bahawa pengarang tidak mementingkan sandaran bagi sesebuah riwayat dalam fasal-fasal yang dikaji. Ditemui sebanyak 7 buah riwayat sahaja yang didatangkan sandaran daripada 73 buah riwayat, ataupun nisbah 1:10.

## ABSTRACT

This study is discussing about *Takhrīj al-Hadīth*, focusing on the advantages of the Hijri month narrations in *Jam' u al-Fawā'id wa Jawāhir al-Qalā'id* a book by Syeikh Dāwūd bin Abdullah al-Faṭānī. The scope of this study is mainly focusing on three chapters, Dhulhijjah, 'Āsyūrā', also *Laylah al-Qadr* and 'Eid night. The main objective of this study is to highlight directly on the narrations status in those chapters. Information and findings are entirely obtained through literature reviews with the use of quantitative methods. The results obtained show that the author brings *mardūd* narrations of about 59%, compared to the *maqbul* narrations of 9%. This was due to his methodology in using hadith which was slightly different from *ahl al-Ḥadīth* methodology, especially in terms of *al-Targhīb wa al-Tarhīb*. The rest are narrations with the unknown and unfound status is 3% and 29% respectively. The result also found that the author did not concerned about the reference of the narrations in those three chapters. Only 7 narrations are found with reference from the total of 73 narrations, with 1:10 ratio.

## PENGHARGAAN

Selaut rasa syukur saya panjatkan kepada Allah s.w.t. yang telah memberikan kekuatan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini. Selawat serta salam ke atas Nabi tercinta Muhammad bin ‘Abd Allah, ahli keluarga Baginda, para sahabat r.a., serta seluruh para pendakwah yang sanggup berkorban demi Islam tercinta.

Ruangan ini ingin saya hulurkan jutaan terima kasih buat bonda tersayang Pauziah bte Ahmed atas segala dorongan serta doa yang dikirimkan. Tidak dilupakan juga kepada Zaharah bte Ahmad, Sofi Amirul dan keluarga, Hafisah dan keluarga, serta Mohd Syarafi yang begitu banyak membantu baik dari sudut material ataupun moral sepanjang proses pengajian ini.

Sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia juga selaku ketua Jabatan al-Quran dan al-Hadith iaitu Dr. Faisal bin Ahmad Shah, Timbalan Pengarah Ijazah Tinggi iaitu Prof Madya Dr. Mustafa Abdullah, tenaga pengajar Akademi Pengajian Islam, khususnya pensyarah di Jabatan al-Quran dan al-Hadith, staf-staf sokongan, serta semua yang terlibat dalam kajian ini secara langsung ataupun tidak langsung.

Juga tidak dilupakan buat teman-teman seperjuangan yang banyak membantu, terutamanya penghuni Halal Haram House (3H), warga al-Rayyan, serta kepada semua teman yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. *Jazākumullāh Khayr*

Akhirnya, saya begitu mengharapkan kajian ini mendapat keredaan daripada Allah s.w.t. serta usaha yang dicurahkan untuknya menjadi tabungan amalan soleh di akhirat kelak. *Āmīn Yā Rabb al-‘Ālamīn*

Mohd Aizul bin Yaakob  
No. 1562 Jalan Politeknik 30  
Taman Politeknik, 71050 Port Dickson  
Negeri Sembilan

## SENARAI TRANSLITERASI

### EJAAN DAN TRANSLITERASI

Ejaan yang digunakan adalah mengikut daftar ejaan rumi baru Bahasa Malaysia (1987), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Ejaan yang berkaitan dengan bahasa Arab digunakan mengikut pedoman transliterasi huruf Arab ke huruf rumi (1988), terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Pengecualian daripada menggunakan pedoman itu bagi kes-kes berikut :

1. Bagi akhir perkataan asal yang ditulis dengan "ة" (*ta' marbutah*) dibunyikan mengikut sebutan "ه".
2. Tanwin dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contoh : *sur'ah* (سرعة), *sa'ah* (ساعة), *dabbara* (دبر).
3. Alif Lam ( ال ) ditransliterasikan sebagai al (sama ada bagi *Lam Shamsiyyah* atau *Lam Qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. "a" dalam "al" hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.
4. Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum Bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan Bahasa Malaysia.

Senarai pedoman tersebut adalah seperti berikut :

### 1. Konsonan

KONSONAN					
Huruf Arab	Huruf Jawi	Huruf Arab	Huruf Jawi	Huruf Arab	Huruf Jawi
ا	a	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	و	w
خ	kh	ظ	ẓ	ه	h
د	d	ع	‘	ء	’
ذ	dh	غ	gh	ي	y
ر	r	ف	f	ة	t

## 2. Vokal

VOKAL					
Vokal Panjang		Vokal Pendek		Diftong	
آ	ā	ا	a	او	Aw
و	ū	و	u	اي	Ay
ي	ī	ي	i	يَ	Iyy/i

Sumber: Berdasarkan Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Jawi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1998.

### Catatan :

Istilah atau perkataan yang berasal daripada perkataan Bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum Bahasa Melayu adalah dieja mengikut perkataan Bahasa Melayu.

## SENARAI KEPENDEKAN

Bil.	- Bilangan
Dr.	- Doktor
H	- Hijrah
h.	- Halaman
Ibn	- Ibnu
j.	- Jilid
M	- Masihi
m.	- Meninggal Dunia
no.	- Nombor
c.	- Cetakan
Ibid.	- Ibidem : Rujukan Sebelum
op.cit.	- Opera citato : Rujukan Berselang
Prof.	- Profesor
r.a.	- Radia Allahu ‘anhu
a.s.	- ‘Alaih al-Salam
s.a.w.	- Salla Allahu ‘Alaihi wa Sallam
s.w.t.	- Subhanah wa Ta‘ala
(t.t.)	- Tanpa Tarikh
T.T.P.	- Tanpa Tempat Penerbitan
T.P.	- Tanpa Penerbit
(terj.)	- Terjemahan